

Tebang 1, tanam 100 pokok baharu

PETALING JAYA - Perdana Menteri mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menanam 100 pokok baharu bagi menggantikan setiap satu pokok yang ditebang.

Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan perkara tersebut menerusi hantaran di aplikasi X, semalam.

"Saya telah memberi arahan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur (Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh) iaitu bagi setiap pohon yang terpaksa dipotong, 100 pokok baharu wajib ditanam semula," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas arahan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa supaya DBKL menebang pokok berisiko tinggi susulan kejadian pokok tumbang di ibu negara sebelum ini.

DBKL juga diarah menambah baik pelan Pengurusan Pokok Rendang dan menyediakan garis panduan berkaitan pokok berisiko tinggi yang dijangka siap Julai ini.

Dalam satu kejadian Isnin lalu, sebatang pokok yang tumbang di Jalan Pinang berhadapan Kuwait Finance di sini, hampir mengenai



GAMBAR fail menunjukkan penguat kuasa memotong pokok yang tumbang di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur pada 7 Mei lalu.

kenderaan yang membawa Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh.

Bagaimanapun, pokok berkenaan menghempap bahagian belakang kereta peronda polis yang mengiring Ab. Rauf.

Pada 7 Mei lalu, *Kosmo!* melaporkan kejadian pokok tumbang ekoran hujan lebat yang meragut nyawa seorang lelaki termasuk menjejaskan 17 kenderaan serta landasan monorel di Jalan Sultan Ismail.